

26 JULY 2004

Muhyiddin-Umno

MUHYIDDIN KATA LANTIKAN KE MAJLIS TERTINGGI UMNO HAK PRESIDEN

JOHOR BAHRU, 26 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata keputusan melantik atau tidak, calon-calon yang kalah dalam pertandingan merebut tiga kerusi Naib Presiden parti ke dalam Majlis Tertinggi (MT) Umno, adalah hak Presiden Parti.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata beliau sendiri pernah melalui pengalaman tidak dilantik menganggotai MT selepas kalah dalam pertandingan merebut kerusi naib presiden semasa Tun Dr Mahathir Mohamad mengetuai Umno.

"Itu 'prerogative' Presiden Umno... saya dah alami perkara itu, saya dah duduk di luar MT selama empat tahun. Jadi ia bukan perkara yang luar biasa bagi saya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan persidangan pegawai-pegawai pertanian di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden Umno sebagai berkata bahawa tidak semestinya calon-calon Naib Presiden yang kalah pada pemilihan parti Sept ini, akan dilantik menganggotai MT.

"Kenyataan Presiden (Umno) itu mungkin juga sebagai ingatan bagi kita yang nak bertanding, kalau kita rasa tak boleh menang, kita tak payah bertanding," kata Muhyiddin.

Menurut Muhyiddin, kelapan-lapan calon untuk jawatan Naib Presiden itu sebenarnya mempunyai dua pilihan, iaitu untuk bertanding dalam 25 kerusi MT, atau bertanding dalam tiga kerusi Naib Presiden.

Dua calon yang akan mempertahankan jawatan Naib Presiden pada pemilihan parti Sept ini adalah Muhyiddin sendiri serta Tan Sri Muhammad Muhamad Taib, manakala enam lagi yang akan bertanding bagi jawatan itu adalah Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Datuk Mustapa Mohamed, Tan Sri Isa Samad, Datuk Seri

Adnan Yaakob, Datuk Shahrir Samat dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Itu hak Presiden, jadi kalau Presiden dah cakap begitu mungkin dia tak akan lantik saya duduk dalam MT (kalau kalah)... saya pernah kalah dulu dan Tun Dr Mahathir tak lantik saya, saya berehat empat tahun," tambahnya.

Beliau berkata apa yang merugikan bagi mereka yang tidak berada dalam MT, adalah mereka tidak akan dapat mengikuti perbincangan mengenai dasar-dasar besar negara.

Menurutnya, walau apapun terpulanglah kepada masing-masing calon yang sudah pun mendapat jumlah pencalonan yang mencukupi untuk membuat pilihan.

"Dilantik atau tidak ke dalam MT kelak, itu hak Presiden yang harus kita hormati," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY AZH